

15 APR 1999

PENGURUS DANA-REAKSI

HUKUMAN KE ATAS ANWAR TIDAK BERI KESAN KPD KEPULANGAN PENGURUS DANA KE M'SIA

SINGAPURA, 15 April (Bernama) -- Dana-dana asing mula kembali ke Malaysia dan hukuman penjara enam tahun yang dikenakan terhadap bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak akan menjejaskan aliran portfolio sama ada dalam tempoh sederhana ataupun jangka panjang, demikian menurut laporan akhbar Business Times (BT) di sini.

Pengurus dana dan broker di United Kingdom (UK) dan Singapura berkata hukuman penjara ke atas Anwar semalam mungkin hanya akan menyebabkan penangguhan seketika bagi tempoh jangka pendek, lapor akhbar itu.

"Sejak beberapa hari lalu, saya menerima pertanyaan daripada tiga pengurus dana yang mahu melabur di Malaysia sekali lagi. Sebulan sebelumnya terdapat tujuh pertanyaan berbanding dengan sifar pada beberapa bulan sebelumnya," kata seorang broker UK yang dipetik sebagai berkata.

Laporan itu menyatakan sebelum hukuman ke atas Anwar dijatuhkan, broker-broker dan pengurus dana memerhati dengan rapat perkembangan dan perubahan dalam sentimen asing terhadap Malaysia kerana Asia sekali lagi memanfaatkan daripada lebih tunai yang memasuki semula pasaran sedang muncul.

Seorang pengurus dana yang berpangkalan di London memberitahu BT: "Bayaran lebih di Malaysia adalah hampir kosong bagi kebanyakan daripada kami. Walaupun pasaran tidaklah begitu murah susulan daripada kenaikannya, terdapat keinginan untuk meningkatkan pendedahan dalam pasaran yang sebelum ini dianggap yang kedua terbesar di Asia Tenggara."

BT menyatakan kustodian global pensijilan saham melaporkan kepada satu broker di London bahawa Malaysia mengalami aliran masuk modal bersih sekali lagi.

Jika ia disahkan dan Malaysia dimasukkan semula dalam Indeks Morgan Stanley Capital, pengurus-pengurus dana akan secara automatik memindahkan semula dana dalam portfolio mereka ke Malaysia, kata Broker-broker London.

Penganalisis dan pengurus dana yang berpangkalan di Singapura lebih mengambil berat terhadap keadaan kesihatan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan berapa lama beliau akan terus mengetuai negara serta dasar-dasar timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi jika beliau menggantikan Mahathir, kata BT.

--BERNAMA

TCL ZK